



MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN: PLPKL/SA/10/82 Jld.2 (27)		TARIKH: 23 Mei 2011
TAJUK	ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL 8/2011 PAKAIAN KERJA WAKTU PEJABAT	
DARIPADA	Pengarah CIAST	
KEPADA	Semua Kakitangan CIAST	SALINAN: Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran
MELALUI	Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian/Program	

1. TUJUAN

Menetapkan jenis pakaian yang sesuai dipakai semasa bekerja oleh kakitangan CIAST.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Panduan pakaian semasa bekerja ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985
- 2.2 Manakala pakaian alternatif semasa bekerja ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2006
- 2.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2008 menggariskan panduan pemakaian pakaian batik Malaysia oleh pegawai awam pada hari Khamis.
- 2.4 Adalah penting bagi semua kakitangan Kerajaan sentiasa mematuhi peraturan pakaian ketika menjalankan tugas rasmi seperti ditetapkan dari semasa kesemasa.

3. ARAHAN

- 3.1 Semua kakitangan CIAST hendaklah mematuhi peraturan pakaian waktu kerja pejabat seperti ditetapkan dalam pekeliling diatas.
- 3.2 Diantara peraturan yang perlu diberi perhatian dan dipatuhi adalah seperti berikut;

3.2.1 Pakaian Lelaki

- a. Seluar panjang dengan baju kemeja, manakala bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional dan Kumpulan Sokongan Gred 27 keatas hendaklah memakai "Lounge suite" atau "bush jacket" atau baju kemeja bertali leher. Jika baju berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipatkan.
- b. Pakaian alternatif baju kemeja berlengan panjang, berkolar baju Melayu cekak musang berbutang tiga atau lima
- c. Memakai kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya.
- d. Seluar "jeans" atau "slacks", selipar, kasut getah dan kasut sukan adalah dilarang.

3.2.2 Pakaian Wanita

- a. Pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja.
- b. Memakai kasut, selipar, cerpu atau yang sejenis dengannya yang mempunyai bentuk yang sesuai boleh dipakai dengan pakaian yang ditetapkan.
- c. "Jeans", "slacks", seluar pendek, pakaian yang menutup muka dan kasut sukan adalah dilarang.

3.2.3 Pakaian Seragam(Lelaki dan Wanita)

Pakaian seragam hendaklah **sentiasa dipakai** semasa bekerja bagi kakitangan yang dibekalkan dengannya.

3.2.4 Pakaian Batik(Lelaki dan Wanita)

- a. Pakaian Batik Malaysia hendaklah dipakai oleh pegawai awam pada setiap hari Khamis **kecuali** pegawai awam yang dibekalkan pakaian seragam.
- b. Pakaian alternatif baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang berkolar baju Melayu cekak musang berbutang tiga atau lima.

3.2.5 Pakaian Kebangsaan(Lelaki dan Wanita)

Pakaian kebangsaan lengkap dan menutup aurat digalakkan pada setiap hari Jumaat. Capal boleh dipakai dengan pakaian baju Melayu yang lengkap dengan bersamping.

3.2.6 Pakaian Menjolak Mata((Lelaki dan Wanita)

Pegawai awam adalah tidak dibenarkan memakai pakaian yang menjolok mata.

3.2.7 Pakaian Seragam Myskill

Pakaian seragam Myskill boleh dipakai pada setiap hari kerja(kecuali hari Khamis dan kakitangan yang dibekal pakaian seragam) ketika bertugas di CIAST. Bertugas diluar CIAST pakaian rasmi pegawai awam hendaklah dipakai.

3.2.8 Pemakaian Tanda Nama

Pegawai awam hendaklah sentiasa memakai tandanama bersaiz 7.5cm x 2.5cm yang disematkan di baju di dada sebelah kiri ketika menjalankan tugas rasmi(Surat Pekeliling Am Bil 8 Tahun 1983)

3.2.9 Pakaian Istiadat


Pakaian menghadiri majlis rasmi hendaklah mengikut jenis dan tatacara pakaian yang ditetapkan seperti jemputan ke majlis berkenaan.

4. Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Berkhidmat Untuk Negara

"Pekerja Merealisasi Transformasi Negara"



(GHAZLAN BIN GHAZALI)

Pengarah CIAST

Shah Alam, SELANGOR.

mym/arahan pengurusan/ap11.8